

**Pertemuan Leonid Brezhnev  
dengan Wakil-wakil Ahli Perniagaan  
Amerika Syarikat  
22hb Jun, 1973**

Pada 22hb Jun, 1973 satu perjumpaan berlangsung di Washington di antara Leonid Brezhnev, Setiausaha Agung Jawatankuasa Pusat Parti Komunis Kesatuan Soviet dan wakil-wakil dari lingkungan para peniaga Amerika Syarikat.

Yang telah mengambil bahagian dalam perjumpaan itu ialah: G. Shultz, Setiausaha Perbendaharaan Negara Amerika Syarikat; F. Dent, Setiausaha Perdagangan; J. Connelly dan P. Flanigan, Pembantu Presiden Amerika Syarikat; E. Kenna, Yang Dipertua Persatuan Kebangsaan Pengilang-Pengilang; E. Rust, Yang Dipertua Dewan Perniagaan Kebangsaan Amerika Syarikat; J. Needham Pengerusi Lembaga Pasaran Saham New York; A. Calusen Yang Dipertua Bank of Amerika; W. Wriston, Pengerusi Lembaga First National City Bank New York; W. Butcher, Yang Dipertua Chase Manhattan Bank; R. Gersternberg, Pengerusi Lembaga General Motors Corporation; E. Hood, Naib Yang Dipertua General Electric Company; E. Speer, Pengerusi Lembaga United States Steel Corporation; F. Cary, Pengerusi Lembaga International Business Machines Corporation; C. McCoy Pengerusi Lembaga Du Pont De Nemour & Company; C. Galvin, Yang Dipertua Exxon; H. Boyd, Pengerusi Lembaga Pengarah El Paso Natural Gas Company; A. Hammer, Pengerusi Lembaga Occidental Petroleum Corporation; D. Morfee Yang Dipertua Swindell-Dressier

Company; T. Wilson, Pengerusi Lembaga Syarikat Boeing; D. Kendall, Yang Dipertua Pepsi-Co Incorporated dan ramai lagi wakil-wakil terkemuka dalam dunia perniagaan.

Mewakili Soviet pula, ialah A. A. Gromyko, Menteri Luar USSR; N. S. Patolichev, Menteri Perdagangan Luar USSR; B. P. Bugayev, Menteri Penerbangan awam; G. E. Tsukanov dan A. N. Alexandrov, Pembantu-Pembantu kepada Setiausaha Agung Jawatankuasa Pusat CPSU; A. F. Dobrynin, Duta USSR ke Amerika Syarikat, L. M. Zamyatin, Ketua Pengarah TASS; G. A. Arcatov, Pengarah Akaedemik Sain Mengenai Pengajian Amerika Syarikat; G. M. Kornienko, Anggota Kuliah Kementerian Luar USSR; V. S. Alkhimov, Timbalan Menteri Perdagangan Luar dan Lain-Lain Pegawai.

Para peserta dirundingan itu telah diperkenalkan kepada pemimpin Soviet sebelum rundingan dimulakan. Kerana ramai mereka adalah di dalam Jawatankuasa Pusat, Setiausaha Agung TPSU maka perbincangan-perbincangan berpusat kepada kemungkinan kerjasama bagi faedah bersama USSR dan AS — dalam beberapa sektor ekonomi. Bentuk dan cara kemajuan kerjasama dan perdagangan antara kedua negara telah juga dibincangkan. Leonid Brezhnev telah juga menunjukkan minat ke arah hubungan antara syarikat-syarikat persendirian dengan pertubuhan-pertubuhan Soviet dan menjawab soalan-soalan kemungkinan mengembangkan hubungan ekonomi dengan USSR.

Dalam perjumpaan itu, N. S. Patolichev, Menteri Perdagangan Luar USSR dan G. Shultz, Setiausaha Perbendaharaan menandatangani satu protokol pada pembukaan, sebelum 31 Oktober bagi wakil perdagangan USSR di Washington dan biro perdagangan Amerika Syarikat di Moscow dan satu protokol mengenai soalan-soalan berhubung dengan penubuhan sebuah dewan perniagaan Amerika-Soviet.

Leonid Brezhnev dalam ucapannya mengucapkan terimakasih kepada pihak penganjur majlis kerana berpeluang menemui sekumpulan parawakil dunia perniagaan Amerika Syarikat.

Katanya, setiap orang sekarang telah mempelajari sejarah

purbakala dan zaman pertengahan, moden dan hari ini. Dan sejarah menunjukkan, perdagangan zaman purbakala telah menambahkan peranan politik sebagai satu hubungan biasa antara rakyat dan negara. Dan itulah yang sebenarnya berlaku hari ini. Beliau menyoal adakah boleh dianggap biasa saja jika kita menandatangani satu perjanjian untuk membina hubungan dalam asas prinsip hidup bersama dengan aman tetapi gagal untuk memajukan hubungan perdagangan dan ekonomi.

Setiausaha Agung Brezhnev seterusnya menghuraikan tentang makna hubungan kerjasama perdagangan dan ekonomi antara negara-negara sekarang.

"Dalam masa beberapa tahun lalu," katanya, "semua kita melupakan pendapat-pendapat lama mengenai perkara yang penting ini. Dan ini boleh dijangkakan kerana bentuk hubungan ekonomi yang lama itu tidak lagi memenuhi kehendak-kehendak masa. Ekonomi kebangsaan tiap-tiap negara telah mengambil perimbangan yang baru. Revolusi sains dan teknik sedang bergerak cepat, dan daya penggerakannya ialah dari pemikiran manusia yang bijak. Kemajuan besar telah berlaku dalam lapangan kebudayaan dan pelajaran. Kemajuan yang sangat menarik ini melahirkan perkembangan besar keperluan-keperluan manusia dan mendesak bagi menambahkan pemecahan buruh antarabangsa dan kemajuan hubungan perdagangan ekonomi, sains, teknik dan kebudayaan antara negara-negara.

Ini ditumpukan terutama kepada negara-negara yang telah mencapai kemajuan yang saksama dalam pembangunan mereka. Dan Saya berpendapat bukan saja USSR dan AS tetapi juga negara-negara Sosialis Eropah, Eropah Barat seperti Perancis, Persekutuan Jerman Barat dan Itali serta Jepun dan lain-lain negara.

<sup>ki</sup>Adakah keperluan-keperluan baru ini membayangkan amalan hubungan ekonomi antarabangsa? Saya fikir tidak. Ini bukan kerana tidak ada keperluan-keperluan dan kemungkinan ekonomi yang tulen dan bukan disebabkan pemikiran kita ketinggalan terhadap ekonomi yang sebenarnya. Ini ialah kerana keadaan politik — hubungan politik yang begitu lama menjadi batu penghalang bagi bekerjasama yang lebih luas untuk kepentingan bersama antara

negara-negara kita. "Saya mengenang kembali semasa peperangan dunia kedua. Saya mengingatnya dengan penuh perasaan kerana saya menghadapi peperangan itu dari sejak hari pertama hingga ke hari perbarisan kemenangan di Red Square. Saya mengalami kepahitan kerana kemerosotan pada permulaannya, dan gembira di kemuncak kejayaan yang kami perolehi bersama dengan tuan sebagai anggota bersekutu dalam menghadapi peperangan merbahaya yang mengancam umat manusia pada masa itu — fascism. Rakyat Soviet, seperti rakyat Amerika juga menyambut kemenangan itu dengan harapan peperangan seperti itu tidak akan berulang serta mengharapkan kerjasama antarabangsa yang menyeluruh dan tegas diwujudkan.

"Tetapi sebaliknya, sekian lama telah berlaku peperangan dingin. Saya tidak mahu menyebut siapa yang memulakannya, siapa yang menciptanya atau yang memberi nama itu.

Walaupun peperangan biasa mengurban nyawa yang ramai serta meninggalkan beribu-ribu keluarga yang berdukacita dan melarat. Peperangan dingin tidak berlaku keadaan seperti itu. Bagaimanapun, ia juga bersifat memeras. Peperangan dingin meruntuh asas-asas hidup biasa serta harapan hidup antara manusia. Ia juga menghalang hubungan pembangunan ekonomi, sains dan kebudayaan.

"Tempoh ini disebut 'peperangan dingin' dan ia begitu dingin hingga meningkat kepada penggunaan senjata kuasa pembinasa yang luar biasa — dan senjata-senjala nuklear yang boleh memusnahkan berjuta-juta umat manusia dan menghancurkan sebahagian besar apa yang telah diciptakan dan dipelihara oleh manusia seluruh dunia dalam beberapa zaman.

"Saya mahu menyoal diri saya dan semua para hadirin di sini soalan-soalan yang berikut "adakah peperangan dingin itu satu tempoh yang baik dan ia memberi faedah terhadap kepentingan rakyat kita dan semua manusia di dunia? Dan saya jawab soal ini; tidak, tidak dan sekali lagi tidak! Saya fikir saudara semua akan memberi jawapan yang serupa (semua para hadirin menyambut ucapan pemimpin Soviet itu dengan tepukan yang berpanjangan). Setiausaha Agung Brezhnev seterusnya telah menghuraikan akibat-akibat

peperangan dingin bagi hubungan ekonomi. Beliau menekankan tentang ketegangan suasana politik yang memaksa Soviet Union dan lain-lain negara merasa gentar dan membolehkan kemungkinan mengadakan kerjasama yang menyeluruh. Tetapi walaupun keadaan ini telah dapat dikekalkan 10 hingga 20 tahun tetapi tidak bererti keadaan seperti itu harus berpanjangan.

Pemimpin Soviet itu menegaskan bahawa kesanggupan, hasrat dan kemampuan kerajaan-kerajaan dan pemimpin untuk menghentikan keadaan yang lalu itu dalam politik dan ekonomi serta memutuskan pengertian dan tradisi yang tidak boleh diamalkan adalah menjadi ukuran yang akan diadili oleh rakyat dan memutuskan samada untuk memberi sokongan atau tidak. Leonid Brezhnev berkata ini adalah sejajar dengan kepentingan mereka, adalah tidak perlu dengan membuta tuli memutuskan semua apa yang lama dan tidak terpakai dan bergerak ke hadapan dan menyatukan usaha keamanan dan memajukan kerjasama.

"Saya boleh memperkatakan dengan penuh tanggungjawab", Setiausaha Agung meneruskan, "bahawa kerajaan dan parti kami memberi perhatian untuk mencapai cita-cita tinggi ini dalam dasar kami. Dan ia disokong penuh oleh rakyat Soviet. Dalam hubungan ini, Saya juga ingin mengucapkan terimakasih kepada rakyat Amerika kerana sikap yang menggalakkan dan Presiden Richard Nixon dan para wakil dunia perdagangan. Hanya dengan usaha bersama kita dapat memperbaiki keadaan dan menghapuskan segala — yang menghalang kita dari hidup dan suasana tenang dan perasaan yakin terhadap hari esok. Dengan perasaan itu saya dan rakan-rakan saya datang ke Amerika Syarikat. Kami datang ke sini bebas dari semua perasangka.

Pemimpin Soviet itu seterusnya bercakap mengenai perubahan-perubahan besar yang menggalakan dalam hubungan antara Soviet dengan Amerika dalam setahun lalu yang menandakan permulaan peringkat baru sejajar dengan kepentingan rakyat USSR dan AS dan lain-lain negara. "Dalam kemajuan ke arah keamanan yang berkekalan dan kerjasama/" tambahnya. "Kita masih belum selesai dengan tugas-tugas kita. Tetapi perkara-perkara yang kita mencapai kejayaan dalam masa setahun lalu bersama dengan

apa yang kita dapat mengujudkan dalam mesyuarat sekarang pada keseluruhannya mencapai kejayaan.

Bercakap mengenai rundingan Soviet-Amerika beberapa hari lalu, Setiausaha Agung CPSU berkata sejajar dengan masalah politik, dan dengan langkah-langkah untuk mengelakan peperangan nuklear dan menghadkan stratiji senjata, perkara penting telah mengambil tempat dalam kemajuan hubungan ekonomi antara kedua negara.

"Presiden Nixon dan Saya," kata Leonid Brezhnev "telah tentu tidak berbincang dengan menyeluruh dengan syarikat mana yang baik bagi Soviet mengadakan kerjasama. Bagaimanapun kami telah mencapai persetujuan penuh bahawa kedua pihak hendaklah memberi galakan dan sokongan kepada ahli-ahli perniagaan Amerika Syarikat dan berhubung dengan jabatan-jabatan Amerika bagi membuka jalan luas bagi faedah kerjasama dan perdagangan. Adalah tidak diragu-ragukan terdapat banyak peluang-peluang dalam bidang ini. USSR dan AS ialah negara-negara yang mempunyai peluang ekonomi yang banyak. Kita mempunyai kekayaan hasil bumi yang banyak. "Kami mengakui terdapat dalam bidang-bidang tertentu Amerika mengatasi kami dan terdapat dalam bidang-bidang yang kami mengatasi Amerika. Jika kita satukan usaha dan mengamalkan sikap pandangan yang luas untuk jangka masa yang panjang kira-kira 20 tahun maka kita akan nampak peluang-peluang besar di hadapan.

"Saya fikir terdapat peluang-peluang dalam semua bidang dan dalam semua bahagian ekonomi yang belum lagi dicungkil." "Dan kami," terus Leonid Brezhnev "kami agak berazam untuk menggunakan peluang-peluang itu. Saya ingin memberitahu ini, apabila kami menimbangkan tidak beberapa lama dulu mengenai dasar luar ekonomi USSR di Jawatankuasa Plenum dan Parti Komunis Soviet, kami mencapai persetujuan kami tidak boleh berpuas hati dengan kejayaan hari ini. Soal meluaskan hubungan telah dibangkitkan. Untuk memberitahu tuan sebenarnya, kami telah mengkritik beberapa jabatan yang ada hubungan dengan bidang ini kerana tidak mempunyai pandangan jauh, takut, kebelakangan zaman dan beberapa kekurangan dalam kerja mereka. "Tetapi saya ingin dalam masa yang sama

bsrterus terang mengkritik di sini dihadapan tuan-tuan, ahli-ahli perniagaan AS yang kami hormati sejak zaman Lenin kerana daya usaha dalam bidang perniagaan; Saya juga ingin mengkritik mereka kerana gagal menghadapi cabaran yang berani dan kerana masih mengamalkan sikap lama.

Leonid Brezhnev menegaskan harapan bahawa ahli-ahli perniagaan dan pegawai-pegawai kerajaan yang hadir di upacara itu akan memberi sokongan untuk memperbaiki hubungan antara Soviet-Amerika dan mengembangkan hubungan ekonomi antara kedua negara sejajar dengan persetujuan dicapai di Moscow tahun sudah dan selaras dengan rundingan-rundingan di Washington.

"Ada satu lagi perkara," beliau menambah. "Saya berpendapat bahawa adalah tidak mungkin dan tidak wajar bagi saya mencampur tangan dalam hal ehwal dalam negara tuan-tuan. Saya fikir dalam usaha memperbaiki hubungan antara USSR dan AS sebagai juga hubungan dengan lain-lain negara, adalah penting memberi pertimbangan bahawa tiap-tiap negara mempunyai sikap sendiri, sistem sosial sendiri dan keperibadiannya sendiri. Semua ini hendaklah diberi kehormatan. Tetapi saya melihat tidak semua rakyat Amerika memberi pertimbangan ini. Saya merojokkan perkara seperti terdapat ada yang ingin apa yang dikatakan meminda sendiri segala kejayaan bersama kita yang positif itu. Setiap orang bebas memberi pendapat masing-masing menawarkan cadangan-cadangan dan pindaan-pindaan tetapi apa yang penting ialah tentang faedah 'pindaan' itu dan untuk apa. Adakah ia selaras dengan dasar sekarang untuk kepentingan rakyat USSR dan AS, atau adakah ia merugikan kepentingan-kepentingan itu?"

"Pada akhirnya, Saya ingin menyatakan bahawa Saya sentiasa percaya kebenaran manusia, kepintarannya dan kebolehannya mengatasi perkara yang ia tidak tahu. Ia adalah sebab yang tepat, membina dan masuk akal yang menyebabkan dua negara kita menyedari tentang perlu memperbaiki hubungan-hubungan kita dan menghapuskan segala rintangan yang merintangangi mereka.

Ucapan Leonid Brezhnev telah mendapat perhatian penuh dengan tepuk sorak.